

Pengaruh Penyampaian Dialek Kelantan terhadap Perkembangan Bahasa dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah di Negeri Kelantan

Nur Fathiah Binti Rosely^{1*} Nur Shahira Abdul Rashid² Hamizah Binti Abdul Hamid³
Rokiah Jan Mohinamiah⁴

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Perak, Malaysia

*E-mail Penulis Penghubung : nfathiah26@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh penggunaan dialek Kelantan terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah, khususnya dari aspek pertuturan, kosa kata dan kefahaman Bahasa Melayu standard. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan yang melibatkan guru prasekolah dan ibu bapa di beberapa buah prasekolah di Negeri Kelantan. Data dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis melalui analisis deskriptif serta inferensi. Hasil analisis deskriptif menunjukkan skor min keseluruhan berada pada tahap rendah hingga sederhana (min = 1.24 hingga 3.09) dengan nilai sisihan piawai kurang daripada 1.06. Analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penggunaan dialek Kelantan dan perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah ($r = 0.48$, $p < 0.01$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan dialek Kelantan mempengaruhi sebutan dan struktur ayat kanak-kanak, di samping menyumbang kepada pengukuhan identiti linguistik dan kemahiran komunikasi sosial. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan agar pendidik prasekolah mengamalkan pendekatan seimbang antara penggunaan Bahasa Melayu standard dan dialek tempatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menyokong perkembangan bahasa kanak-kanak secara menyeluruh.

Kata kunci: Dialek Kelantan, Perkembangan Bahasa, Kanak-kanak Prasekolah, Pendidikan Awal Kanak- Kanak


1. Pendahuluan

Perkembangan Bahasa dalam kalangan kanak-kanak adalah proses yang berlaku sepanjang kehidupan kanak-kanak, bermula dari bayi sehingga remaja. Perkembangan Bahasa adalah bahagian penting daripada sifat kognitif manusia. Memahami perkembangan Bahasa merupakan aspek penting untuk memahami dasar dan mengingati pelbagai komponen linguistik. Perkembangan Bahasa anak-anak bermula dari yang sederhana sehingga yang kompleks. Kanak-kanak prasekolah merupakan individu yang sedang berada dalam fasa kritikal perkembangan bahasa. Mereka sangat mudah menerima input linguistik daripada persekitaran, termasuk daripada ibu bapa, guru, dan rakan sebaya (Vygotsky, 1978).

Namun, di negeri Kelantan, penggunaan dialek tempatan yang meluas dalam kehidupan seharian turut memberi kesan terhadap penguasaan bahasa baku. Isu ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pendidik, khususnya guru prasekolah yang berperanan membina asas bahasa yang kukuh kepada murid. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk memahami sejauh mana dialek Kelantan mempengaruhi perkembangan bahasa dalam aspek sebutan, kosa kata, struktur ayat, serta kefahaman Bahasa Melayu Standard. Menurut Muhamad, N. E., & Mohd Rusli (2024) hal ini untuk memastikan perubahan fonologi dalam pertuturan murid akibat penggunaan dialek Kelantan. Seperti penggunaan konsonan dan vokal yang boleh menjejaskan penggunaan Bahasa Melayu Standard.

Walaupun dialek merupakan khazanah budaya yang perlu dipelihara, penguasaannya yang terlalu dominan pada usia awal boleh menjejaskan proses pembelajaran bahasa Melayu baku di sekolah, terutamanya dalam aktiviti membaca, menulis dan bertutur. Kanak-kanak akan menggunakan dialek semasa proses mereka mula belajar bercakap. Dialek yang digunakan mengikut kepada bahasa ibunda mereka iaitu dialek Kelantan. Tahap penyampaian pengaruh dialek Kelantan mempengaruhi bahasa kanak-kanak tersebut. Sebagai contoh perkataan yang digunakan seperti bahasa melayu standard “saya mahu makan” dialek Kelantan pula “saya nok make”. yang jelas menunjukkan perbezaan dari segi kosa kata dan sebutan (Nik Safiah, 2019; Mahamod, 2016).

Justeru itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengalpasti hubungan antara pengaruh penyampaian dialek Kelantan dengan perkembangan Bahasa dalam kalangan kanak-kanak di Negeri Kelantan. Manakala, untuk persoalan kajian pula adalah, apakah hubungan antara pengaruh penyampaian dialek Kelantan dengan perkembangan Bahasa dalam kalangan kanak-kanak di Negeri Kelantan? Hipotesis kajian ini turut menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh penyampaian dialek Kelantan dengan perkembangan Bahasa kanak-kanak prasekolah di Negeri Kelantan.



Gambar 1. Kerangka Konseptual Kajian

2. Metode

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk tinjauan deskriptif. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengumpul data berbentuk angka yang dapat dianalisis secara statistik untuk mengenal pasti pola, tahap pengaruh, serta hubungan antara pemboleh ubah. Kaedah tinjauan membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat secara langsung daripada responden yang terlibat, iaitu guru prasekolah, tanpa perlu memanipulasi sebarang pemboleh ubah.

Seterusnya, populasi kajian terdiri daripada guru prasekolah di negeri Kelantan yang berinteraksi secara langsung dengan kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 46 orang guru dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pemilihan ini dibuat berdasarkan kriteria bahawa mereka merupakan tenaga pengajar yang menggunakan Bahasa Melayu standard dan pada masa yang sama terdedah dengan penggunaan dialek Kelantan dalam pengajaran harian. Saiz sampel ini adalah mencukupi untuk mewakili populasi kajian kecil dan selaras dengan carta persampelan Krejcie & Morgan (1970).

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik berstruktur yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian, hasil kajian terdahulu, serta tinjauan literatur yang berkaitan. Soal selidik ini bertujuan mengumpul data berkaitan latar belakang responden, persepsi mereka terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta penilaian terhadap tahap kualiti PdP di prasekolah.

Kesahan dan kebolehpercayaan ini adalah sesuatu instrumen yang penting bagi memastikan dapatan yang diperoleh boleh dipercayai dan tidak persoalkan dalam soal selidik (Kerlinger dan Lee, 2001). Kesahan ini bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran yang

diguna pakai akan mengandungi kesemua keberkesanan aplikasi pembelajaran interaktif dalam konsep yang diukur pada *google form*. Kesahan yang digunakan adalah untuk mengukur dengan tepat pada sesuatu ukuran yang dilakukan dalam kajian pengkaji. Alat pengukur adalah menghasilkan nilai yang sama apabila pemboleh ubah yang akan berulang-ulang untuk memastikan responden menjawab dalam kebolehpercayaan dalam borang soal selidik ini.

Sebelum instrumen diedarkan untuk menjalani kajian rintis, instrumen soal selidik telah melalui proses kesahan kandungan bersama dua orang pakar yang telah dipilih. pensyarah terdiri daripada pensyarah A (Penyelia Kajian Ilmiah) dan pensyarah B (Pensyarah Universiti). Kesahan dalaman juga menentukan sejauh manakah dapatan itu dapat diinterpretasikan dengan tepat dan berkesan. Berikut adalah antara komen pakar A yang diketengahkan untuk membuat pembetulan pada soal selidik tersebut. Secara keseluruhannya, panel pakar telah mempersetujui bahawa instrumen kajian in boleh digunakan dan diberikan kepada responden.

3. Hasil dan Pembahasan

Analisis deskriptif menunjukkan tahap penguasaan sebutan, kosa kata, struktur ayat dan kefahaman bahasa baku berada pada tahap sederhana rendah dan rendah.

Tabel 1. Mengenalpasti hubungan antara pengaruh penyampaian dialek Kelantan dengan perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak di Negeri Kelantan.

Aspek Perkembangan Bahasa	Nilai Korelasi Pearson (r)	Aras Signifikan (p)	Interpretasi Hubungan
Sebutan	0.28	$p < 0.05$	Hubungan lemah, signifikan
Kosa Kata	0.42	$p < 0.01$	Hubungan sederhana, signifikan
Struktur Ayat	0.25	$p < 0.05$	Hubungan lemah, signifikan
Kefahaman Bahasa Baku	0.39	$p < 0.01$	Hubungan sederhana, signifikan

Tabel 1 di atas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penyampaian dialek Kelantan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah. Nilai korelasi tertinggi diperoleh pada aspek kosa kata ($r = 0.42$, $p < 0.01$), diikuti oleh kefahaman bahasa baku ($r = 0.39$, $p < 0.01$). Sementara itu, aspek sebutan ($r = 0.28$, $p < 0.05$) dan struktur ayat ($r = 0.25$, $p < 0.05$) menunjukkan hubungan yang lemah tetapi masih signifikan. Ini membuktikan bahawa penggunaan dialek Kelantan memberi kesan lebih ketara kepada kosa kata dan kefahaman berbanding sebutan dan struktur ayat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa penggunaan dialek Kelantan sememangnya mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap perkembangan bahasa

kanak-kanak prasekolah, walaupun tahap pengaruh tersebut berada pada aras rendah hingga sederhana. Fenomena ini boleh difahami kerana dialek Kelantan merupakan bahasa pertama yang didedahkan kepada majoriti kanak-kanak sejak kecil melalui interaksi bersama keluarga, rakan sebaya, dan komuniti setempat. Akibatnya, aspek sebutan, kosa kata, serta struktur ayat yang dibentuk oleh kanak-kanak lebih cenderung mengikuti pola linguistik dialek tempatan berbanding Bahasa Melayu standard.

Keadaan ini membawa dua implikasi penting. Pertama, dari segi positif, ia membantu kanak-kanak membina identiti budaya dan memudahkan komunikasi dalam kalangan masyarakat setempat. Dialek berfungsi sebagai simbol jati diri dan penghubung sosial yang memperkukuh rasa kebersamaan dalam komuniti. Namun, dari sudut negatif, kanak-kanak menghadapi cabaran apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan Bahasa Melayu standard di persekitaran formal seperti sekolah. Perbezaan sebutan, kosa kata, dan struktur tatabahasa antara dialek dengan bahasa baku boleh menyebabkan kekeliruan, kelewatan dalam penguasaan membaca dan menulis, serta mengganggu keyakinan diri apabila mereka berinteraksi di luar konteks dialek.

4. Simpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sememangnya memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk perkembangan bahasa mereka, walaupun tahap pengaruh yang dikenal pasti adalah pada aras rendah hingga sederhana. Hasil analisis mendapati bahawa aspek sebutan, kosa kata, struktur ayat dan kefahaman bahasa baku kanak-kanak sedikit sebanyak dipengaruhi oleh corak linguistik dialek tempatan yang diwarisi sejak awal usia melalui interaksi bersama keluarga, rakan sebaya dan Masyarakat.

Namun begitu, dalam konteks pendidikan formal, perbezaan yang wujud antara dialek dan Bahasa Melayu standard boleh menjadi cabaran utama kepada guru dalam memastikan kanak-kanak mencapai tahap penguasaan bahasa baku yang baik, terutamanya sebagai asas kepada literasi awal dan keberkesanan proses pembelajaran di sekolah. Fenomena ini menggambarkan bahawa dialek bukan sekadar medium komunikasi harian, tetapi juga sebahagian daripada identiti budaya dan jati diri yang penting dalam kehidupan seharian kanak-kanak Kelantan (Hassan & Rahman, 2020).

Dalam hal ini, guru prasekolah berperanan besar sebagai penghubung antara bahasa dialek dan bahasa standard, dengan memastikan proses transisi bahasa berlaku secara

berperingkat, terancang dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada murid. Penggunaan strategi pengajaran yang fleksibel, kreatif serta berasaskan pendekatan dwibahasa amat diperlukan bagi menyeimbangkan antara tuntutan penguasaan bahasa baku dengan kepentingan mengekalkan identiti linguistik dan budaya setempat.

Implikasi daripada kajian ini bukan sahaja memberi panduan kepada guru dalam merancang intervensi pedagogi, malah juga memberi manfaat kepada pihak pembuat dasar dalam menggubal kurikulum yang lebih inklusif, mengambil kira faktor sosio-budaya masyarakat setempat tanpa mengabaikan kepentingan penguasaan bahasa baku di peringkat awal pendidikan. keperluan untuk mengkaji secara berterusan hubungan antara dialek dan bahasa standard dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, supaya dasar dan amalan pendidikan lebih relevan dengan realiti linguistik masyarakat tempatan (Nik Safiah, 2019).

Secara ringkas, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana dialek Kelantan mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah, serta menyediakan asas yang kukuh untuk penyelidikan lanjut dalam bidang pendidikan bahasa awal kanak-kanak.

Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi rujukan berguna bukan sahaja kepada pendidik, tetapi juga kepada ibu bapa, penyelidik, dan pembuat dasar dalam usaha bersama melahirkan generasi kanak-kanak yang fasih berbahasa baku tanpa meninggalkan identiti budaya tempatan mereka. Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi rujukan berguna bukan sahaja kepada pendidik, tetapi juga kepada ibu bapa, penyelidik, dan pembuat dasar dalam usaha bersama melahirkan generasi kanak-kanak yang fasih berbahasa baku tanpa menanggalkan identiti budaya tempatan mereka (Krashen, 1982; Ahmad & Zulkifli, 2022).

Daftar Pustaka

- Ahmad, S., & Rahman, R. (2023). Dialek dan bahasa standard: Isu dalam kalangan murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12(1), 34–45.
- Ali, R., & Hamzah, H. (2020). The impact of local dialects on dual language development among preschool children. *Journal of Early Childhood Studies*, 4(2), 18–28.
- Fishman, J. A. (2001). Can threatened languages be saved? Reversing language shift, revisited: A 21st century perspective. Clevedon: Multilingual Matters.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2012). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (10th ed.). Pearson
- Hassan, A., & Rahman, N. (2020). Bahasa dan dialek di Malaysia: Satu tinjauan linguistik. *Jurnal Linguistik Malaysia*, 8(1), 33–50.
- Krashen, S. D. (1982). *Principles and practice in second language acquisition*. Oxford: Pergamon.

- Noraini, A. R., & Jamaluddin, S. (2020). Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah dan faktor yang mempengaruhinya. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 22–31.
- Nik Safiah, K. (2019). Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat, M. N., Zainal, A., & Aziz, N. (2021). Hubungan antara kemahiran bahasa awal dan pencapaian literasi di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 11(2), 45–56.
- Rosli, M. I., Rahim, S. A., & Latiff, M. Z. (2021). Dialek tempatan dan penguasaan bahasa Melayu baku dalam kalangan murid prasekolah. *Jurnal Linguistik dan Pendidikan*, 3(1), 40–51